



SIARAN MEDIA

TEKNOLOGI TERKINI DALAM BIDANG KOMUNIKASI PENGHUBUNG SILATURAHIM KELUARGA

**TETAMU KEHORMAT : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA MOHD DUN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**YANG BERHORMAT TUAN LIMUS BIN JURY
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (N 26) KUALA
PENYU**

**YBHG. DATUK ASNIMAR BINTI HJ. SUKARDI
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SABAH
(PENTADBIRAN)
MERANGKAP AHLI LEMBAGA PENGARAH
LPPKN**

**YBHG. DATO' MUNIRAH ABDULLAH
BAJANUDDIN
KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA**

**YBRS. DR ANJLI DOSHI GANDHI
TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA
NEGARA (LPPKN)**

TARIKH : 18 APRIL 2015

TEMPAT : PADANG PEKAN MENUMBOK, SABAH

**ACARA : MAJLIS PERASMIAN
JELAJAH KELUARGA BAHAGIA 2015**

BEAUFORT, 18 APRIL 2015 – Teknologi terkini dalam bidang komunikasi mampu menjadi penghubung silaturahim kalangan keluarga. **Penemuan awal kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia kelima (KPKM-5)** yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada akhir tahun 2014 mendapati kaedah komunikasi utama yang digunakan oleh **remaja** untuk berhubung dengan ibu bapa adalah melalui **perbualan telefon iaitu hampir tujuh puluh enam peratus (76%)**, diikuti oleh sistem pesanan ringkas atau sms dan komunikasi melalui media sosial seperti facebook, twitter dan instagram.

“Saya menyarankan ibu bapa menerapkan etika dan peraturan penggunaan gajet telekomunikasi bagi media sosial di kalangan ahli keluarga. Contohnya, penggunaan mestilah tidak melebihi dua jam tanpa henti dan tidak semasa waktu khas bersama keluarga. Ini akan membantu mengelakkan ketagihan internet di kalangan ahli keluarga dan mengeratkan masa berkualiti bersama keluarga.” Kata YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun ketika merasmikan Program Jelajah Keluarga Bahagia (JKB) 2015 yang diadakan di Padang Pekan Menumbok, Sabah.

Pekan Menumbok merupakan lokasi kedua bagi JKB 2015 dan yang pertama bagi Negeri Sabah sebelum ke lapan lagi lokasi di seluruh Malaysia termasuk di Sandakan. Tema ‘Saya Sayang Keluarga Saya’ adalah satu mesej mudah dan sinomin dengan fitrah kehidupan berkeluarga.

Dalam mengukuhkan institusi keluarga yang berpaksikan 5 teras Keluarga Bahagia iaitu K.A.S.I.H Program Jelajah Keluarga Bahagia 2015 Sabah membawakan kelainan dengan pengisian Malam Himpunan Kasih bertujuan untuk menyemarakkan kasih sayang melalui Bicara Keluarga Bahagia oleh Sahibus Samahah Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz bin Haji Jaafar, Mufti Negeri Sabah dan Selawat serta Qasidah oleh Kumpulan Al-Mawlid.

Datuk Hajah Azizah memaklumkan penganjuran JKB 2015 oleh KPWKM melalui LPPKN adalah usaha berterusan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat di

semua peringkat secara menyeluruh untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam apa juga tindakan yang diambil.

Penzahiran kasih sayang mampu melahirkan insan berkualiti dan berperibadi mulia yang seterusnya menjadi pemangkin kepada proses perubahan dan pembangunan keluarga bahagia dan negara sejahtera,” tambah beliau di akhir ucapan.

Menerusi program ini, kerajaan berharap agar mesej tiada pengabaian kalangan ahli keluarga dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat. setiap ahli keluarga layak untuk mendapat kasih sayang tidak kiralah bagaimana rupa fizikal mereka, berapa usia mereka dan tinggi mana tahap intelek mereka.

Program Jelajah Keluarga Bahagia yang berlangsung selama dua hari ini turut melibatkan penyertaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dengan kempen Klik Dengan Bijak, Persatuan Pengasih, Yayasan Dakwah Islamiah, PDRM, AADK dan agensi-agensi KPWKM serta banyak lagi.

####

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

12B, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

No. telefon : 03-2693 7555 samb. 3308 / 3310/ 2132

No. Faks : 03-2691 9431